254

**NO SOALAN :175**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)**

**PERTANYAAN** : **BERTULIS**

**Y.B. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

(a) jumlah pekerja tempatan (berkemahiran tinggi, sederhana, dan buruh) dan jumlah pekerja buruh asing dalam East Coast Rail Link (ECRL) ;dan

(b) perincian keuntungan 7 tahun pertama tanpa kadar faedah bagi pinjaman dan manfaat rakyat setempat melalui projek ECRL.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan inisiatif projek infrastruktur *Government-to-Government* (G2G) antara Kerajaan Malaysia dan Republik Rakyat China yang merupakan *game changer*

255

Usaha berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan bagi menambah bilangan anggota kesihatan untuk menampung keperluan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat sama ada di bandar mahupun luar bandar.

Bagi memastikan perkhidmatan kesihatan kepada pesakit dan masyarakat berterusan, perkhidmatan secara lawatan oleh anggota kesihatan (termasuk Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan Keluarga) secara berkala, klinik bergerak dan program kesihatan (*out reach program)* (dengan izin) dilaksanakan.

256

Jumlah pengunjung di klinik kesihatan pada tahun 2014 adalah seramai 52.3 juta orang, 50.2 juta orang pada tahun 2015, 54.9 juta orang pada tahun 2016 dan seramai 41.4 juta orang sehingga Ogos 2017.

Manakala, pengunjung di Klinik 1Malaysia pada tahun 2014 berjumlah 5.3 juta orang, 6.1 juta orang bagi tahun 2015, 6.5 juta orang bagi tahun 2016 dan 4.5 juta orang sehingga Ogos 2017.

Secara keseluruhannya, purata peningkatan bilangan kedatangan pesakit di Klinik Kesihatan bagi tahun 2014 hingga 2017 adalah sebanyak 2 peratus setiap tahun. Manakala, bagi K1M peningkatannya pula adalah sebanyak 9 peratus setiap tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga kini, terdapat 5,327 Pegawai Perubatan yang sedang berkhidmat di 972 buah Klinik Kesihatan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, seramai 329 Pakar Perubatan Keluarga dan 4,998 Pegawai Perubatan Bukan Pakar.

KKM sentiasa mengkaji keperluan Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan seluruh Malaysia selaras dengan keperluan perkhidmatan, pertambahan penduduk, perubahan demografi, pertambahan bilangan penyakit, pewujudan perkhidmatan baru serta peningkatan ekspektasi rakyat.